

13 APR 1996

Muhyiddin-Televisyen

MALAYSIA AKAN ADAKAN LEBIH SATU SALURAN TV SUKAN

LANGKAWI, 13 April (Bernama) -- Malaysia mungkin mempunyai lebih daripada satu saluran televisyen sukan dalam usaha kerajaan meningkatkan taraf sukan di negara ini, kata Menteri Belia Dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah bersetuju dengan penubuhan saluran televisyen khas untuk sukan yang mungkin beroperasi selama 24 jam sehari dan secara percuma.

"Saya telah berbincang dengan Perdana Menteri dan beliau bersetuju. Kerajaan sedar media mempunyai pengaruh yang amat kuat dan ia boleh digunakan dengan agresif untuk pembangunan sukan," kata beliau.

Malah, kata Muhyiddin, Perdana Menteri telah menyatakan bahawa lebih daripada satu saluran boleh dibuka dan memberi liputan yang lebih luas terutamanya sukan di peringkat bawahan.

Muhyiddin berkata televisyen swasta pertama di negara ini, TV3 bercadang untuk membuka saluran khas untuk sukan dan telah meminta sokongan kementeriannya.

Beliau berkata belum ada keputusan tentang siapa yang akan diberi hak untuk membuka saluran sukan itu memandangkan TV3 dan RTM telah menunjukkan minat masing-masing.

Menteri Penerangan, Datuk Mohamad Rahmat telah menyatakan baru-baru ini bahawa RTM akan menubuhkan sebuah saluran sukan.

"Saya tidak mahu sokong sesiapa tetapi kita harap, mereka dapat bekerjasama bagi memastikan rancangan itu berjaya," kata Muhyiddin.

Mengenai Kompleks Sukan Negara yang sedang dalam pembinaan di Bukit Jalil, Muhyiddin berkata kerajaan telah membuat keputusan untuk menswastakannya bagi memastikan ia tidak menjadi "gajah putih".

"Unit Perancang Ekonomi akan uruskan soal ini. Kos pengurusannya pasti tinggi dan kita memerlukan mereka yang pakar dalam pengurusan acara," kata beliau. -- BERNAMA

AR NMO